

27 JAN 2003

UMNO TIDAK TERGUGAT JIKA PEMIMPIN LAMA BERUNDUR

JOHOR BAHRU, 27 Jan (Bernama) -- Umno tidak akan tergugat jika para pemimpinnya yang sudah lama berkhidmat berundur untuk memberi laluan kepada muka baru, kata Anggota Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Tanjung Kupang, Datuk Baharom Abdul Ghani.

"Rakyat menyokong parti dan bukannya kepada individu tertentu...bahkan, mungkin parti lebih kuat dengan ada keseimbangan pemimpin lama dan baru baik dalam exco negeri mahupun dalam kabinet," katanya katanya ketika diminta mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pemimpin lama mengundurkan diri bagi membolehkan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi "mengatur semula segala-galanya" selepas mengambil alih kepimpinan parti kelak.

Baharom, yang juga Ketua Umno Bahagian Gelang Patah, berkata beliau yakin kestabilan Umno dan Barisan Nasional tidak terjejas sekalipun ramai pemimpin lama berundur kerana sokongan rakyat terhadap parti pada masa ini kuat.

Yang lebih penting, katanya, ialah mereka yang menawarkan untuk berundur mestilah ikhlas dan selepas berhenti pula, menggunakan pengalaman dan pengaruh mereka untuk terus bekerja kuat untuk parti.

"Seperti orang lain bekerja kuat untuk mereka, mereka pun kenalah bekerja kuat untuk membantu memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap muka-muka baru kelak," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI